

27/01/1998

Kelantan lega projek lapangan terbang lulus

KOTA BHARU, Isnin - Kerajaan Kelantan berterima kasih kepada komitmen Kerajaan Pusat kerana meneruskan rancangan projek pembesaran lapangan terbang di negeri ini, walaupun dalam keadaan ekonomi tidak menentu sekarang.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata langkah itu diperlukan selaras peningkatan bilangan orang ramai menggunakan perkhidmatan udara di negara ini yang sentiasa meningkat.

Menurutnya, keadaan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa amat sesak dan tidak mampu menampung pengguna yang semakin meningkat setiap tahun, terutama pada musim haji dan umrah.

"Perlunya projek pembesaran lapangan terbang ini pernah disarankan oleh Sultan Kelantan ketika menyampaikan ucapan belanjawan, baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berucap di majlis penyampaian saguhati kepada lebih 400 guru Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti), di JKR 10, dekat sini.

Projek pembesaran lapangan terbang itu adalah antara beberapa projek utama yang dibekukan, berikutan kelembapan ekonomi serta perubahan politik di negeri ini.

Cadangan mengkaji semula projek itu dikemukakan oleh rombongan kerajaan negeri diketuai Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman, yang menemui Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, baru-baru ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ling Liong Sik, dalam kenyataannya di sini kelmarin, menegaskan kerajaan meluluskan cadangan projek pembesaran lapangan terbang itu dan kerja pembinaan akan dilaksanakan dalam tahun ini juga.

Menurut Dr Ling, kelulusan itu diterima daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mengambil kira keperluan kerajaan berbuat demikian.

Menurutnya, lapangan terbang itu terpaksa menampung 600,000 pengguna setahun dan mencatat peningkatan memberangsangkan sejak 10 tahun lalu pada kadar 11 peratus setahun.

"Saya amat berterima kasih dengan kenyataan menteri berkenaan, mudah-mudahan cita-cita rakyat negeri ini mengenai perkara itu terlaksana.

"Kita harap masalah ekonomi yang dialami negara sekarang tidak akan menghalang usaha kerajaan melaksanakan projek itu, kerana ia untuk kepentingan rakyat.

"Walaupun tidak disegerakan, kita harap sekurang-kurangnya menteri berkenaan menunaikan janji itu kerana keperluan projek itu amat mendesak," katanya.

(END)